



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20
24



RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.115 BATU

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.115 BATU

Penyunting Siri
Nurul Syaza Mazelan

Penulis
Dr. Siti Nur Ain Binti Zakinuddin
Mohamed Daniel Mokhtar



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

ISI KANDUNGAN

LAPORAN P.115 BATU (KUALA LUMPUR)

Kata Pengantar - Nur Rahmah Othman	I-II
Pendahuluan - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III-XV

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-9
------------------------------	-----

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan	11
2.0 Pemetaan Isu	12-23
3.0 Pengutamaan Isu	24-27



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiysah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperolehi terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebar kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN- BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN- BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH- AMANAH	Nurul Syaza Mazelan
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN- BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

STATUS INDIVIDU		KAUM MINORITI
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
JENIS PEKERJAAN		PENDIDIKAN
Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petani 2. Peladang/Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nelayan laut 2. Nelayan darat 	
Perdagangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay 	

Perindustrian	1. Pemilik kilang	Organisasi / Persatuan
Perkhidmatan	1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu- Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung	1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none"> • Gejala sosial • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Kos sara hidup yang tinggi • Keciciran Pendidikan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas • Masalah banjir • Pencemaran air dan udara
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian • Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Penghijrahan ke bandar • Kos sara hidup yang tinggi
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien

Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none">• Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir• Penyeludupan barang di sempadan• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)• Konflik pemilikan tanah• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa• Konflik manusia – hidupan liar
-----------------	---

BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.115 BATU (KUALA LUMPUR)

2 - 4, 7 Mac 2024 (Sabtu - Isnin, Khamis)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

- 1: Sesi Dialog bersama penduduk flat PPR Intan Baiduri
- 2: Sesi Dialog bersama belia
- 3: Sesi Dialog bersama peniaga tempatan Cina
- 4: Sesi Dialog bersama Penduduk PPA Sri Kelantan

HARI 2

- 5: Sesi Dialog bersama Golongan Miskin Tegar, PPR Beringin
- 6: Lawatan Tapak 1: Kolam Tadahan Sri Batu Wahyu
- 7: Sesi Dialog bersama Warga Emas
- 8: Lawatan Tapak 2: PPA Sri Kelantan, PA Sri Pangkor, PA Sentul Utara

HARI 3

- 9: Sesi Dialog bersama Ibu Tunggal PPR Batu Muda
- 10: Sesi Dialog bersama NGO Pusat Bantuan Sentul
- 11: Sesi Dialog bersama Penduduk Kampung Chubadak Tambahan

HARI 4

- 12: Sesi Dialog bersama Warga Asing
- 13: Sesi Dialog bersama Peniaga Pasar Borong/Harian

Dengan sokongan
daripada
Ahli Parlimen BATU,
YB Tuan
Prabakaran A/L
M Parameswaran

PASUKAN PENYELIDIK



Mohamed Daniel
(Ketua Penyelidik)



Mr. James



Dana Claudia



Nurul Syahirah



Yoogeshwaran



11 Januari 2024 - Mesyuarat Pemprofilan

Sesi Pemprofilan Parlimen Batu bersama YB P.Prabakaran, Ahli Parlimen Batu, Pegawai Sulit Khas, Setiausaha Sulit dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) mengikut Zon. Agenda perjumpaan adalah untuk membincangkan draf tentatif lawatan, kumpulan sasaran serta permasalahan yang sedia ada di Parlimen Batu. Tarikh untuk lawatan tapak diubah dan ditetapkan pada 2 hingga 4 Mac.



8 Januari 2024 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat awalan P115 Batu bersama YB Prabakaran. Pihak YB telah bersetuju untuk melakukan lawatan tapak pemetaan di Batu dari 2 hingga 4 Mac 2024.



1: Sesi Dialog bersama Penduduk Flat PPR Intan Baiduri

FGD 1 bersama penduduk flat / KRT. Mereka mempertengahkan isu seperti **(1)** Isu kemiskinan yang berterusan, isu **(2)** vandalisme dan pembuangan sampah, kebanyakannya berpunca daripada sikap komuniti, **(3)** isu bekalan air di mana sesetengah penduduk tidak mampu membayar bil air dan walaupun bekalan air mereka dikuncikan, mereka masih boleh dapatkan bekalan air dari rumah jiran dan **(4)** unit kosong menjadi tempat jenayah, contohnya tempat menyimpan motosikal curi.



2. Sesi Dialog bersama Golongan Belia

FGD 2 bersama golongan belia peniaga kecil di UTC Sentul. Mereka mempertengahkan isu seperti **(1)** kesukaran mendapatkan bantuan disebabkan had kuota dan keperluan yang ditetapkan, **(2)** sebagai peniaga kecil, terdapat penurunan bilangan pelanggan kerana pembekal langsung (direct supplier) menjual melalui platform seperti Tiktok yang memberi kesan kepada pasaran dan juga **(3)** isu keselamatan kerana terdapat kes kecurian dan samun



3: Sesi Dialog bersama Golongan Peniaga Tempatan Cina

FGD 3 bersama golongan belia peniaga kecil di Taman Million. Mereka mempertingkatkan isu seperti **(1)** masalah tempat letak kereta pelanggan yang terhad dan tiada tandas awam, **(2)** masalah pengurusan sampah iaitu ketiadaan kutipan sampah yang tetap oleh pihak berkuasa tempatan, **(3)** isu banjir kilat terutamanya selepas pembangunan MRT pada tahun lepas serta **(4)** waktu operasi telah dikurangkan selepas PKP kerana kurang pelanggan dan ruang yang terhad, dan ini memberi kesan kepada pendapatan perniagaan



4. Sesi Dialog bersama Penduduk PPA Sri Kelantan

FGD 4 bersama penduduk PPA. Mereka mempertingkatkan isu seperti **(1)** isu penukaran pihak pengurusan yang menyebabkan penyelenggaraan blok tidak dijalankan dengan baik, **(2)** masalah tingkah laku dan sikap masyarakat atau vandalisme, pencurian kabel, pemotongan wayar CCTV, dan pembakaran lif, **(3)** tiada peluang pekerjaan yang mencukupi menyebabkan ramai belia menjadi penganggur, dan **(4)** isu penyalahgunaan dadah.



5: Sesi Dialog bersama Golongan Miskin Tegar

FGD 5 bersama golongan miskin tegar di PPR Beringin. Mereka mempertengahkan isu seperti (1) isu banjir kilat setiap kali hujan lebat sehingga merosakkan kenderaan penduduk, (2) isu tempat letak kereta bertingkat yang tidak digunakan kerana syarat permohonan yang rumitkan, (3) isu belia berhenti sekolah untuk bekerja kerana menyara keluarga dan rakan sebaya serta (4) isu kesukaran dalam proses permohonan mendapatkan status penduduk tetap (PR) akibat perkahwinan yang tidak sah taraf yang secara tidak langsung memberi kesan terhadap status kewarganegaraan kepada anak dan cucu mereka



6. Lawatan Tapak 1: Kolam Tadahan Sri Batu Wahyu



7: Sesi Dialog bersama Kumpulan Warga Emas

FGD 6 bersama kumpulan warga emas di PPA Sri Perak. Mereka mempertengahkan isu seperti **(1)** ketiadaan pusat warga emas di kawasan PPR, **(2)** kesukaran untuk mendapat pekerjaan kerana faktor usia, **(3)** bil elektrik dan bil air yang lebih tinggi dari biasa dan tidak konsisten, **(4)** isu keselamatan di mana mereka tidak rasa selamat untuk melintas jalan disebabkan pemandu yang laju dan kejadian kemalangan bas baru-baru ini serta **(5)** kos sara hidup meningkat menyebabkan anak-anak menghadapi kesukaran untuk menampung perbelanjaan dan kebajikan ibu bapa kerana tanggungjawab mereka terhadap keluarga sendiri.



8: Lawatan Tapak 2: PPA Sri Kelantan, PA Sri Pangkor, PA Sentul Utara



9: Sesi Dialog bersama Ibu Tunggal PPR Batu Muda

FGD 7 bersama Ibu tunggal di PPR Batu Muda. Mereka mempertengahkan isu seperti **(1)** kesukaran untuk menjana pendapatan tambahan kerana faktor kesihatan dan kekangan masa, **(2)** kekurangan maklumat mengenai bantuan yang tersedia dan proses permohonan. Terdapat yang telah memohon tetapi ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat dan **(3)** kesukaran memohon skim bantuan perumahan rumah mampu milik kerana kuota telah penuh dan diarah untuk menunggu kuota yang seterusnya.



10: Sesi Dialog bersama NGO Pusat Bantuan Sentul

FGD 8 bersama AJK NGO di mana kami membincangkan isu-isu di kawasan Parlimen Batu berdasarkan pengalaman mereka. Mereka mempertengahkan isu seperti **(1)** pelajar sering berhenti sekolah (*dropout*) disebabkan oleh kurang minat terhadap silibus pendidikan dan kekurangan perhatian daripada ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak mereka. Selain itu, **(2)** isu gelandangan yang telah meningkat sejak COVID serta **(3)** semakin ramai orang terlibat dalam aktiviti jenayah untuk mendapatkan 'fast money', dan ia menjadi lebih mudah sekiranya dilakukan atas talian.



11: Sesi Dialog bersama Penduduk Kampung Chubadak Tambahan

FGD 9 bersama penduduk Kg. Chubadak Tambahan. Mereka mempertengahkan isu seperti **(1)** isu hak milik tanah walaupun penduduk kampung telah mendiami kawasan itu sejak generasi awal, **(2)** masalah banjir disebabkan oleh sistem perparitan tidak diselenggara oleh pihak berwajib serta **(3)** bangunan di Kafa Al Ikhlasiah memerlukan peningkatan fasiliti dan infrastruktur yang sedia ada kerana bilangan pelajar meningkat akibat pembangunan beberapa perumahan baharu di sekitar kawasan tersebut.



12: Sesi Dialog bersama Kumpulan Warga Asing

FGD 10 bersama kumpulan warga Rohingya. Mereka mempertengahkan isu seperti **(1)** masalah peluang pekerjaan. Hal ini kerana mereka adalah pemegang dokumen kad UNHCR, oleh itu mereka tidak boleh mendapatkan lesen kenderaan dan sebagainya. Walaupun anak-anak mereka menamatkan pelajaran melalui sekolah NGO atau UNHCR, mereka tidak mempunyai laluan (*future pathway*) kerana sukar mendapatkan pekerjaan yang bagus di Malaysia. **(2)** Pendapatan yang rendah disebabkan oleh kekurangan peluang pekerjaan. Situasi menjadi semakin membebankan sekiranya anak-anak mereka sakit kerana kos perubatan yang tinggi. **(3)** Mereka sukar mendapatkan bantuan meskipun dari UNHCR ataupun NGO lain. Hanya Yayasan Chow Kit sahaja sering memberikan bantuan seperti bantuan persekolahan, bantuan sukan, bantuan perubatan, bantuan perayaan dan sebagainya.



13. Sesi Dialog bersama Peniaga Pasar Borong / Pasar Harian


FGD 11 bersama kumpulan peniaga pasar borong dan pasar harian. Mereka mempertengahkan isu seperti **(1)** persaingan dengan warga asing di mana warga asing memiliki lesen runcit yang sepatutnya hanya boleh dimiliki oleh warga tempatan. Selain itu, **(2)** isu kadar parking yang agak mahal disebabkan caj yang dikenakan adalah mengikut jam menyebabkan pelanggan kurang tertarik untuk datang. **(3)** Tiada jalan penyelesaian bagi isu penguatkuasaan yang lemah menyebabkan warga tempatan semakin terasa ditindas.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.115 BATU (KUALA LUMPUR)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Hulu Terengganu ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran dari Pakatan Harapan.</i></p>		 <p>YB Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran</p>																									
Parlimen	P 115																										
Kawasan	Batu																										
Negeri	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur																										
Jumlah penduduk	<p>219,132 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>124,029</td> <td>56.6</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>65,959</td> <td>30.1</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>28,268</td> <td>12.9</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>876</td> <td>0.4</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>219,132</td> <td>100.0</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Sumber: Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Batu Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.</i></p>			BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	124,029	56.6	2.	Cina	65,959	30.1	3.	India	28,268	12.9	4.	Lain_lain	876	0.4	JUMLAH KESELURUHAN		219,132	100.0
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																								
1.	Bumiputera	124,029	56.6																								
2.	Cina	65,959	30.1																								
3.	India	28,268	12.9																								
4.	Lain_lain	876	0.4																								
JUMLAH KESELURUHAN		219,132	100.0																								
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan: Kedai runcit, bengkel kereta, klinik gigi swasta • Perniagaan: Gerai makanan, pasar awam, pasar UTC 																										
Pasukan Penyelidik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Siti Nur Ain Binti Zakinuddin: Ketua Penyelidik & Penulis Laporan 2. Mohamed Daniel Mokhtar : Ketua Penyelidik Lapangan 3. Mr James Raj: Penyelidik 4. Siti Hajar Binti Mohammad : Penyelidik 5. Dana Claudia Dumpangol: Penyelidik 6. Nurul Syahirah Binti Abd Aziz: Penyelidik 																										

	<p>7. Nur Fatehah Binti Abd Kadir: Penyelidik</p> <p>8. Shiamala Devi: Pembantu Penyelidik</p> <p>9. Yoogeswaran: Pembantu Penyelidik</p>
--	---

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 11 *Focus Group Discussion* (FGD) dan tiga lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama empat hari di kawasan lokaliti Parlimen Batu. Namun, sesi dialog bersama agensi kerajaan belum lagi dijalankan buat masa ini.

TARIKH	SESI DIALOG / FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD)
2 Mac 2024	<p>Sesi Dialog 1: PPR Intan Baiduri</p> <p>Sesi Dialog 2: Belia</p> <p>Sesi Dialog 3: Penjaja Tempatan</p> <p>Sesi Dialog 4: Komuniti India</p>
3 Mac 2024	<p>Sesi Dialog 5: Golongan Miskin Tegar</p> <p>Sesi Dialog 6: Warga Emas</p> <p>Sesi Dialog 7: Persatuan Ibu Tunggal</p> <p>Lawatan Tapak 1: Kg Chubadak</p> <p>Lawatan Tapak 2: Kolam Tadahan Sri Batu Wahyu</p> <p>Lawatan Tapak 3: Bangunan Perumahan Awam</p>
4 Mac 2024	<p>Sesi Dialog 8: Wakil NGO</p> <p>Sesi Dialog 9: Penduduk Kg Chubadak Tambahan</p>
7 Mac 2024	<p>Sesi Dialog 10: Pelarian Rohingya</p> <p>Sesi Dialog 11: Peniaga Pasar Borong</p>

PENEMUAN KAJIAN

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN
1.	Masalah miskin tegar di PPR	Penduduk PPR Intan Baiduri, PPR Beringin	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar gaji minimum untuk golongan bandar sebanyak RM1,500 tidak relevan kerana kos hidup meningkat kerana inflasi. • Walaupun telah dibantu dengan melunaskan bil tertunggak, mereka ini tidak berubah sikap atau cuba berdikari. Mereka masih berharap untuk terus dibantu kerana berasa miskin.
2.	Vandalisme di PPR dan PPA sekitar Batu	Remaja kawasan PPR dan PPA sekitar Batu	<ul style="list-style-type: none"> • Berlaku vandalisme seperti kes menconteng dinding kediaman dan juga lif berleluasa. • Terdapat segelintir penduduk yang membawa motor ke tingkat atas dengan menaiki lif hingga menyebabkan lif rosak.
3.	Keciciran persekolahan	Pelajar Sekolah PPR Intan Baiduri, PPR Beringin, PPR Batu Muda	<ul style="list-style-type: none"> • Ramai remaja sekolah menengah dari PPR tidak menyambung pelajaran akibat pengaruh rakan sebaya dan adik beradik yang lain. • Kebanyakannya memilih untuk bekerja dalam <i>gig economy</i> atau di pasar borong. • Ibu bapa tidak mendorong anak-anak untuk sambung belajar dan kurang kesedaran tentang kepentingan pendidikan.
4.	Perbezaan caj pembayaran penyelenggaraan	Penduduk PPR Intan Baiduri	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilik perlu membayar yuran penyelenggaraan sebanyak RM45 sebulan manakala penyewa perlu membayar RM124 sebulan. • Berlaku ketidakadilan dari segi kos bayaran antara pembeli dan penyewa kerana walaupun pembeli telah mengeluarkan kos untuk membeli rumah dan membayar caj penyelenggaraan tetapi menghadapi isu fasiliti yang sama dengan penyewa yang hanya membayar sewa bulanan.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN
5.	Tiada bekalan elektrik	PPR Intan Baiduri	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada bekalan elektrik untuk para peniaga untuk beroperasi sejak daripada Laman Sejahtera (Medan Selera PPR bersebelahan Surau) diwujudkan. • Isu telah diutarakan kepada DBKL tetapi tiada tindakan dari pihak berkuasa. • Peniaga terpaksa menyambungkan bekalan elektrik sendiri dari perumahan berdekatan untuk mendapatkan bekalan elektrik.
6.	Masalah parkir awam yang sempit dan mahal	<ul style="list-style-type: none"> • PPR Intan Baiduri • Pelanggan Pasar Borong Kuala Lumpur • Tapak Perniagaan Taman Million 	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi setiap empat buah rumah, tempat letak kereta yang disediakan adalah satu biji kereta. Tetapi, kebanyakan rumah mempunyai lebih dari satu kenderaan. • Kesukaran kenderaan bantuan kecemasan keluar masuk seperti ambulans • DBKL telah menyediakan tempat letak kereta bertingkat tetapi dikenakan bayaran sebanyak RM60 sebulan dan kedudukannya tidak strategik kerana jauh dari blok D, E dan F dan disebabkan itu, penduduk lebih memilih untuk parking secara bertindih di kawasan yang berdekatan dengan blok mereka. • Di dalam kawasan pasar borong atau pasar harian pelanggan perlu membayar caj parking dengan kadar RM3.50 sejam (kereta) dan RM4.50 sejam (lori satu tan). Bagi peniaga RM50 sebulan. Oleh itu, pelanggan lebih memilih untuk membeli diluar kerana tidak perlu membayar parking. • Tempat parking di kawasan perniagaan Taman Million sangat terhad menyebabkan kurang pelanggan.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN
7.	Masalah tunggakan bil air	PPR Intan Baiduri	<ul style="list-style-type: none"> • Ramai penduduk yang tidak membayar bil air sehingga bertahun-tahun kepada DBKL. • Penguatkuasa DBKL pernah datang ke PPR pada 2 Mac 2024 untuk berbincang dengan penduduk tentang isu tunggakan bil air. • Air akan dikunci jika penduduk tidak membayar bil air tetapi sesetengah penduduk akan menyambung air dengan jiran sebelah. Jiran sebelah benarkan atas faktor tolong-menolong.
8.	Pembeli rumah DBKL/PPR menyewakan rumah kepada orang lain serta warga asing	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk PPR Intan Baiduri dan PPA Seri Perak • Penduduk Chubadak Tambahan 	<ul style="list-style-type: none"> • Segelintir pembeli PPR yang membeli rumah dan disewakan kepada orang lain termasuk warga asing. • Penduduk tempatan tidak melaporkan perkara ini kepada DBKL atas dasar keakraban dengan jiran. • Sewa yang dikenakan agak tinggi menyebabkan penduduk tempatan tidak berkemampuan untuk menyewa dan permintaan lebih tinggi dari warga asing. • Penduduk setempat tidak selesa dengan kehadiran warga asing dan merasakan keselamatan terancam. • Tiada pemeriksaan berkala dari DBKL berkaitan sewaan rumah kepada warga asing.
9.	Warga asing terutamanya Rohingya tidak menjaga kebersihan	PPR Intan Baiduri	<ul style="list-style-type: none"> • Warga asing mengumpul sampah di rumah pengumpulan sampah PPR untuk mencari besi dan barang berharga kemudian dibiarkan bersepah. • Warga asing mempunyai kad UNHCR oleh itu tidak boleh dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa seperti PDRM. • Tiada sebarang akses untuk mengenalpasti kesahihan kad UNHCR oleh pihak berkuasa seperti PDRM, imigresen dan DBKL jadi menyukarkan pihak berkuasa untuk membuat tindakan sewajarnya.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN
10.	Pinjaman wang tidak berlesen yang berleluasa	Parlimen Batu	<ul style="list-style-type: none"> • Kes Ahlong banyak dan ramai staf mereka yang letakkan iklan pinjaman Ahlong di merata tempat termasuklah UTC. • Mereka juga berani datang ke rumah untuk hantar surat dan pamflet untuk promosikan perniagaan pinjaman wang mereka. • Kebanyakan yang ambil pinjaman Ahlong adalah golongan belia yang tiada pendapatan kerana terdesak perlukan wang.
11.	Perbuatan maksiat bagi menjana pendapatan	Parlimen Batu	<ul style="list-style-type: none"> • Ramai pelajar universiti yang terlibat dengan gejala <i>sugar baby</i> untuk menjana pendapatan. • Terdapat dua jenis <i>sugar baby</i>, satu sekadar teman, dua menjalinkan hubungan intim.
12.	Penyalahgunaan dadah	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Parlimen Batu • Penduduk PPA Seri Perak 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyalahgunaan dadah telah lama berlaku sejak 20-30 tahun yang lepas dan berlaku di merata tempat di dalam kawasan parlimen Batu, bukan terhad di kawasan PPR sahaja. • Kempen kesedaran penyalahgunaan dadah kebelakangan ini kurang dijalankan.
13.	Prasarana yang tidak mesra OKU di PPA	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Parlimen Batu • Penduduk PPA Seri Perak 	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan yang mesra OKU seperti laluan <i>ramp</i> bagi yang berkerusi roda di setiap blok tiada. • Di PPA Sri Perak juga berlaku di mana laluan masuk ke kaki lima selalu di halang oleh kenderaan seperti motosikal.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN
14.	Kesukaran mendapatkan bantuan kebajikan	<ul style="list-style-type: none"> • Warga Emas • Belia Peniaga • Ibu Tunggal • Pelarian Rohingya • Komuniti India 	<ul style="list-style-type: none"> • Syarat bantuan yang ketat menyukarkan warga emas mendapatkan bantuan • Mengikut sesetengah warga emas, tidak semua yang dikategorikan sebagai warga emas layak untuk menerima bantuan dari Baitulmal atas alasan jika mereka mempunyai anak yang bekerja kerajaan dan tangga gaji mereka tidak melayakkan ibubapa mereka untuk memohon bantuan dari Baitulmal. • Sukar dapatkan bantuan dalam bentuk peralatan berniaga dengan MITRA. Permohonan dibuat pada pada bulan Disember 2023. terdapat pelbagai syarat yang dikenakan dan pelbagai alasan diberikan jika ingin memohon bantuan perniagaan. • Yayasan Chow Kit memberi bantuan semasa perayaan, bantuan persekolahan dan bantuan makanan kepada pelarian Rohingya. Semasa PKP, UN ada berikan bantuan makanan selama dua tahun dan selepas PKP tiada bantuan disalurkan lagi.
15.	Tiada penyelenggaraan fasiliti	<ul style="list-style-type: none"> • PPA Sri Perak • Peniaga Tempatan Taman Million 	<ul style="list-style-type: none"> • Lif rosak di PPA Sri Perak menyukarkan pergerakan warga emas Penduduk blok 41, Tingkat 4 terpaksa menaiki tangga dan bertongkat akibat lif rosak. • Lantai yang licin dan rosak di PPA Sri Perak tidak selamat untuk golongan warga emas • Prasarana kedai di kawasan perniagaan Taman Million sudah uzur, dan membahayakan peniaga seperti longkang pecah dan sudah lebih setahun berlaku masih tiada tindakan.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN
16.	Keselamatan lalu lintas di jalan raya	Warga Emas	<ul style="list-style-type: none"> • Kenderaan yang melalui jalan di sekitar UTC bergerak dengan laju dan berbahaya. • Membahayakan warga emas yang perlu menyeberangi jalan untuk sampai ke UTC. • Pernah berlaku kejadian dua bulan yang lalu, seorang warga emas Cina OKU meninggal dunia dirempuh bas perkhidmatan yang memandu dengan sangat laju.
17.	Peningkatan gelandangan sejak COVID	Gelandangan sekitar Parlimen Batu	<ul style="list-style-type: none"> • Sejak berlakunya pandemik, ekonomi telah merosot dan kes gelandangan '<i>homelessness</i>' telah meningkat. • Setakat ini, mengikut statistik: 1,800 orang homeless di sekita Kuala Lumpur dimana mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal sendiri. • Mereka yang menjadi <i>homeless</i> biasanya disebabkan oleh ketidakmampuan membayar sewa rumah atau kehilangan rumah oleh bank.
18.	Proses dokumentasi warga asing	Pelarian Rohingya	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk mendapatkan kad UNHCR adalah sukar bagi pelarian Rohingya selepas PKP kerana ianya sangat terhad. Proses utama adalah mereka perlu membuat temujanji terlebih dahulu dan menunggu sehingga pihak UN menghubungi semula untuk datang dan akan ditemuduga oleh pihak UN berkenaan latar belakang keluarga, datang dari mana (kebanyakan dari laut), dan semakan rekod jenayah selama menetap di Malaysia. • Pemegang kad UNHCR perlu memperbaharui kad setiap tiga hingga lima tahun di pejabat UN di Mukim Petaling secara <i>walk-in</i>.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN
19.	Peluang pekerjaan warga asing	Pelarian Rohingya	<ul style="list-style-type: none"> • Pelarian rohingya yang mempunyai kad UNHCR tidak dibenarkan bekerja, tidak boleh memiliki sebarang kenderaan bermotor dan juga tidak boleh mempunyai apa-apa lesen kenderaan. • Mereka hanya dibenarkan untuk bekerja mengutip besi buruk, tin kosong atau barang kita semula, membuat kerja-kerja pembersihan (sama ada mendapat upah daripada penduduk tempatan atau bekerja bersama Alam Flora). Sekiranya mereka mendapat peluang pekerjaan bersama warga tempatan adalah atas dasar belas kasihan.
20.	Kos perubatan warga asing	Pelarian Rohingya	<ul style="list-style-type: none"> • Kos bersalin di hospital kerajaan antara RM2,000-RM4,000. Pembedahan memerlukan kos RM4,000 tetapi UN akan menanggung RM2,000 dan selebihnya mereka perlu tanggung sendiri dengan membuat bayaran deposit terlebih dahulu. (Deposit antara RM1500 - RM2000). • Bayaran setiap kali rawatan klinik swasta adalah RM200 ke atas untuk warga asing. • Kadang kala doktor akan bagi diskaun RM100 tetapi isteri perlu datang membersihkan rumah doktor.
21.	Persaingan perniagaan fizikal dan atas talian (<i>Tiktok</i>)	Peniaga kedai fizikal di UTC Sentul	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan pelanggan dan hasil jualan jatuh dua kali ganda berbanding sebelumnya. • Salah satu faktornya adalah terpaksa bersaing dengan peniaga di Tiktok yang menawarkan harga yang jauh lebih murah berbanding harga jualan kedai fizikal. • Harga jualan di Tiktok adalah harga dari pembekal kerana peniaga di Tiktok tidak perlu memikirkan kos sewa kedai.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN
22.	Kos sewaan kedai di UTC Sentul tidak berpatutan	Peniaga UTC Sentul	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga menyewa kedai dengan DBKL sebanyak RM330 sebulan. • Harga sewa tidak berbaloi dengan keluasan tapak kedai yang disewa.
23.	Lokasi UTC Sentul yang tidak strategik	Peniaga UTC Sentul	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai tidak strategik dan pelanggan semakin kurang. • Jualan juga tidak laris dan menyukarkan mereka untuk membayar sewa kedai dan bil-bil.
24.	Persaingan antara peniaga berlesen dan penjaja tidak berlesen	Peniaga UTC Sentul	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga berlesen mendapat satu slot kedai dalam UTC. • Penjaja yang tidak berlesen berniaga di luar atau sekeliling kawasan UTC. • Berlaku ketidakadilan untuk peniaga di dalam yang perlu membayar lesen dan bayar sewa kedai (RM330 sebulan) untuk berniaga tetapi penjaja tidak berlesen masih berniaga di luar UTC. • Berlakunya persaingan antara peniaga dan penjaja kerana pelanggan lebih memilih membeli di luar dengan penjaja yang menawarkan harga lebih murah.
25.	Kebergantungan belia terhadap "gig economy"	Belia Parlimen Batu	<ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan belia bergantung dengan "gig economy" seperti penghantar makanan atau lebih dikenali sebagai 'rider' untuk kelangsungan hidup. • Ramai di kalangan belia tidak menyambung pelajaran ke peringkat universiti kerana berpendapat bahawa purata gaji lepasan degree setanding dengan pekerja "gig economy". • Untuk menyambung belajar harus membuat pinjaman yang hanya akan membebaskan mereka.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN
26.	Persaingan antara peniaga borong dengan warga asing	Peniaga Pasar Borong Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> • Persaingan tidak sihat dengan warga asing kerana mereka menjalankan perniagaan yang sama diluar kawasan pasar borong atau pasar harian sedangkan mereka tidak dibenarkan menjalankan apa-apa perniagaan di Malaysia. kebanyakan daripada mereka adalah passport holder dan UNHCR card holder. • Kebanyakan warga asing yang menjalankan perniagaan di premis luar menggunakan lesen warga tempatan. Premis luar hanya dibenarkan menjalankan aktiviti runcit sahaja tetapi mereka menjalankan pemborong.
27.	Kos sara hidup tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja dengan gaji minimum RM1,500 • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai gaji minimum sebanyak RM1,500 bagi golongan bandar tidak lagi bersesuaian disebabkan oleh peningkatan kos sara hidup akibat inflasi yang semakin meningkat. • Kos sara hidup semakin tinggi dan gaji minimum RM1,500 tidak mampu untuk menampung perbelanjaan harian terutamanya untuk yang sudah berkeluarga dan mempunyai anak. • Kos sewa rumah pada tahun 2024 ialah RM1,100 sebulan. Termasuk bil api dan air, RM1,400 sebulan. Rumah kampung di Kg Kuantan. Mempunyai tiga bilik. Setiap tahun duit sewa akan naik RM100.
		Pelarian Rohingya	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan sekolah (bawah seliaan UN) juga menjadikan kos sara hidup tinggi kerana kos persekolahan anak pada awalnya perlu membayar yuran pendaftaran sebanyak anggaran RM400-RM600 dan yuran bulanan RM200.
28.	Peningkatan kos bahan mentah	Peniaga Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan harga untuk bahan-bahan mentah seperti beras yang sebelumnya berharga RM26-27, tetapi kini melebihi RM30. • Untuk sesetengah bahan mentah seperti mi hoon, harganya tetap sama tetapi

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN
			<p>kuantiti atau beratnya telah berkurang.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pada tahun 2023, harga daging telah naik sekurang-kurangnya enam kali dalam setahun. Pada tahun 2024, ia naik dua kali. • Peniaga tidak boleh menaikkan harga jualan mereka kerana risiko kehilangan pelanggan. • Peningkatan SST menyebabkan kos pengeluaran bahan mentah meningkat, yang kemudiannya memberi kesan kepada peniaga makanan tempatan melalui harga yang lebih tinggi.
29.	Pengurusan sampah	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga Taman Million • Peniaga Pasar Borong Kuala Lumpur • Peniaga warga asing • Penduduk PPA Seri Kelantan 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada tempat yang sesuai dan cukup luas untuk buang sampah di kawasan perniagaan Taman Million. • Alam Flora tidak membenarkan peniaga kelapa membuang tempurung kelapa ke dalam tong hijau kerana tempurung berat dan boleh rosakkan dan bocorkan tong dan meminta setiap peniaga membayar RM6 sehari dan RM180 sebulan untuk pengurusan sampah di kawasan perniagaan Taman Million. • Peniaga warga asing yang berniaga di luar kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur tidak menjaga kebersihan dengan membuang sampah merata. • Diluar kawasan pasar borong atau pasar harian sangat kotor dengan sampah sarap penjualan warga asing dan apabila tengah malam mereka akan masuk ke dalam kawasan pasar borong atau pasar harian untuk membuang sampah. • Di PPA Seri Kelantan, DBKL melakukan pembersihan blok C, manakala blok A dan B adalah syarikat swasta iaitu JMB untuk uruskan. • Ketiadaan 'chute' sampah membuatkan penduduk bertindak tinggalkan sampah di koridor selama dua ke tiga hari sehingga berbau.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN
30.	Banjir kilat	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga Taman Million • Penduduk PPR Beringin • Penduduk Kg Chubadak Tambahan • Penduduk PPA Seri Perak 	<p>Taman Million</p> <ul style="list-style-type: none"> • Banjir kilat sering berlaku semenjak stesen MRT siap dibina pada bulan Mac/April 2023 kerana tanah di kawasan MRT lebih tinggi berbanding tanah di kawasan perniagaan peniaga • Air banjir bukan hanya masuk ke dalam kedai-kedai peniaga tetapi juga hingga ke jalanraya di bahagian <i>fast lane</i>. Isu ini berlaku setiap kali hujan lebat-minimum 20 minit air akan naik. <p>PPR Beringin</p> <ul style="list-style-type: none"> • Banjir berlaku setiap kali hujan lebat lebih dua jam, sehingga ke paras buku lali. • Banjir ini berlaku di kawasan Sekolah Agama Sirash berdekatan Blok A dan F dan ramai penduduk di blok ini yang meletakkan kenderaan di kawasan sekolah tersebut. <p>Kg Chubadak Tambahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Punca utama saluran longkang yang kecil dan sistem perparitan yang kurang sistematik. • Sebelum ini, DBKL datang untuk menyelenggara kawasan-kawasan sekitar, tetapi tidak lagi penyelenggaraan dibuat atas alasan tanah yang diduduki penduduk adalah bukan hak milik penduduk dan bukan juga hak milik DBKL. <p>PPA Seri Perak</p> <ul style="list-style-type: none"> • Banjir kilat memasuki kawasan perniagaan di bawah flat sehingga paras lutut • Dua blok di kawasan tanah yang rendah antaranya Blok 31 dan Blok 29. Saliran air akan mengghala ke arah dua blok ini sehingga menyebabkan longkang tersumbat.

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: KEKURANGAN PELUANG PEKERJAAN

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peluang kerja terhadap belia 2. Peluang kerja terhadap dalam bidang gigs ekonomi 3. Peluang kerja terhadap kepada Wanita dan ibu tunggal 4. Peluang kerja terhadap kepada pemegang UNHCR
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Projek pembangunan usahawanita 2. Projek perniagaan dalam talian 3. E-sports sebagai peluang kerja
Kumpulan Terjejas	Belia, Wanita, Pemegang kad UNHCR, Penghuni PPR
Kawasan	Parlimen Batu
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
SDG 1: Menoktahkan kemiskinan	Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk mikrokeuangan
SDG 8: Pertumbuhan Ekonomi dan Pekerjaan yang Baik	Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama Sasaran 8.6 Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau Latihan

SDG 9: Industri, Inovasi Dan Infrastruktur	<p>Sasaran 9.3: Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan, termasuk kredit mampu milik, dan penyepaduannya ke dalam rantai nilai dan pasaran</p> <p>Sasaran 9.c: Meningkatkan akses kepada teknologi maklumat dan telekomunikasi secara signifikan, serta berusaha untuk menyediakan capaian Internet yang sejagat dan mampu dimiliki bagi negara kurang membangun menjelang 2020</p>
--	--

PENGUTAMAAN ISU 2: PENGURUSAN SAMPAH

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sampah sarap di kawasan PPR tidak terurus 2. Pengurusan sampah sarap di kawasan tapak perniagaan 3. Pembuangan sampah merata oleh peniaga warga asing
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program pembersihan kawasan PPR 2. Penyediaan rumah sampah 3. Program 'Waste to Money'
Kumpulan Terjejas	Peniaga tempatan, Penduduk PPR, Warga Asing
Kawasan	Parlimen Batu
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
SDG 3 - Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur	Sasaran 3.3: Menjelang 2030, menamatkan epidemik AIDS, tuberkulosis, malaria dan penyakit tropika terabai serta memerangi hepatitis, penyakit bawaan air dan penyakit berjangkit lain

SDG 6 - Memastikan ketersediaan dan pengurusan air mampan serta sanitasi untuk semua	Sasaran 6.2: Menjelang 2030, mencapai akses kepada sanitasi dan kebersihan yang mencukupi dan saksama untuk semua, serta menghentikan penyahlinjaan di tempat terbuka, memberikan perhatian khusus kepada keperluan golongan wanita serta mereka yang dalam keadaan berisiko
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab	Sasaran 12.4: Menjelang 2020, mencapai pengurusan bahan kimia dan semua sisa buangan yang mesra alam sepanjang kitaran hayatnya, selaras dengan rangka kerja antarabangsa yang dipersetujui, dan secara signifikan mengurangkan pembebasannya ke udara, air dan tanah untuk meminimumkan kesan buruk kepada kesihatan manusia dan alam sekitar

PENGUTAMAAN ISU 3: KOS SARA HIDUP TINGGI

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kenaikan harga barang membebankan peniaga 2. Golongan miskin tegar tidak mampu membiayai kehidupan seharian 3. Pelajar tidak mampu meneruskan sekolah kerana kesempitan hidup 4. Peningkatan gelandangan selepas Covid19
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program inisiatif kebun komuniti 2. Program inisiatif pendapatan komuniti asnaf 3. Kelas tuisyen percuma untuk pelajar kurang berkemampuan
Kumpulan Terjejas	Peniaga tempatan, Penduduk PPR, Golongan Asnaf
Kawasan	Parlimen Batu
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
SDG 1 - Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia	Sasaran 1.1: Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar untuk semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur sebagai individu dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari

<p>SDG 4 - Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua</p>	<p>Sasaran 4.1: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki menamatkan pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti dan membawa kepada hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan</p>
<p>Matlamat 8 - Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua</p>	<p>Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama</p>



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>